



**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR  
(AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)**

**PENGUMUMAN RASMI  
BILANGAN 6 TAHUN 2022**

**PEMINDAHAN PROGRAM PENGAJIAN DAN PENEMPATAN PELAJAR BAGI  
PROGRAM SARJANA MUDA KEJURUTERAAN DI BAWAH KOLEJ KEJURUTERAAN,  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

Assalamualaikum w.b.t dan selamat sejahtera.

Kepada semua staf dan pelajar program Sarjana Muda Kejuruteraan,

Berkuat kuasa pada **Semester I, Sesi Akademik 2022/2023** yang akan bermula pada **17 Oktober 2022**, pihak Pengurusan Universiti telah bersetuju membuat beberapa keputusan seperti berikut berkaitan penempatan baharu program pengajian dan pelajar bagi **program Sarjana Muda Kejuruteraan di bawah Kolej Kejuruteraan, UMP**.

1. Semua program pengajian Sarjana Muda Kejuruteraan di bawah Kolej Kejuruteraan akan dipindahkan penempatannya ke fakulti baharu seperti berikut:

Bil	Program Sarjana Muda Terlibat	Kod Program	Penempatan Baharu Program Sarjana Muda Kejuruteraan
1.	Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Elektrik (Elektronik)	BEE	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik
2.	Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dengan Kepujian	BEP/BEL	
3.	Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Elektrik (Elektronik) (Separuh Masa)	SBEE	
4.	Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia dengan Kepujian	BKC	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia dan Proses
5.	Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia dengan Kepujian (Separuh Masa)	SBKC	
6.	Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dengan Kepujian	BMM	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Automotif
7.	Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Automotif) dengan Kepujian	BMA	
8.	Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dengan Kepujian	BAA	Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam

2. Selaras dengan pemindahan program pengajian ini, **sesi pengkuliahan bagi pelajar tahun 1, 2, 3 dan 4** untuk program Sarjana Muda Kejuruteraan yang terlibat adalah telah ditetapkan di **UMP, Kampus Gambang**.
3. Walaubagaimanapun, bagi tujuan sesi pengkuliahan dan pengurusan akademik untuk **Semester II dan Semester Pendek, Sesi Akademik 2021/2022** bagi pelajar yang terlibat berkaitan pelaksanaan ini, ianya **masih lagi diuruskan di bawah Kolej Kejuruteraan** sehingga selesai tempoh semester berkenaan.

Sehubungan itu, adalah diminta kerjasama semua staf dan pelajar yang terlibat untuk mengambil perhatian dan tindakan yang selanjutnya berkaitan pelaksanaan ini. Sebarang permasalahan dan kesulitan, para pelajar boleh menghubungi Pejabat, Kolej Kejuruteraan di talian 09-4315010 atau secara emel di [adminakademikkkej@ump.edu.my](mailto:adminakademikkkej@ump.edu.my) / [kolejkejuruteraan@ump.edu.my](mailto:kolejkejuruteraan@ump.edu.my) untuk mendapatkan bantuan dan penerangan lanjut. Kerjasama semua pihak dalam menyelaraskan tindakan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian,

**Dikeluarkan oleh:**

**Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)**

**13 Jun 2022**